

DIALOG PERUMPAMAAN

1) Seperti anjing dengan kucing

Rafi :	Alahai, hendak belajar di dalam perpustakaan ini pun susah.
Asri :	Yelah. Mereka berdua asyik memekak sahaja.
Rafi :	Baru tadi pagi Mr Devin beri amaran, mereka masih tidak serik-serik lagi. Fasal perkara remeh-temeh pun boleh bertekak.
Asri :	Biasalah tu... Asal bertemu sahaja, mereka pasti akan bergaduh.

2) Seperti embun di hujung rumput

Lelaki :	Cukup sampai di sini sahaja perhubungan kita. Lebih baik kita putuskan pertunangan ini!
Wanita :	Mengapa? Apakah silap / ?
Lelaki :	/ sudah menemui seorang wanita yang jauh lebih muda dan cantik daripada <i>you</i> .
Wanita :	Sampai hati <i>you</i> buat / begini. Bagaimana dengan janji cinta <i>you</i> pada / ? Rupa-rupanya, kasih dan sayang <i>you</i> tak kekal.

3) Seperti pahat dengan pemukul

Mandur :	Mengapa kerja kamu belum siap lagi?
Pekerja :	Sebab simen dah habis, tuan.
Mandur :	Kalau begitu, tunggu apa lagi? Turun bawah dan pergi bancuh simen. Lepas tu, balik ke sini untuk susun batu-bata pula.
Pekerja :	Baik, tuan.

4) **Bagai kacang lupakan kulit**

Jiran 1 : Kasihan, Pakcik Salim. Semenjak dirawat di hospital, Bakri tidak pernah menjenguknya.

Jiran 2 : Walaupun Bakri tu cuma anak angkat, Pakcik Salim telah bersusah-payah untuk menyekolahkaninya.

Jiran 1 : Pakcik Salim juga banyak berkorban sehingga Bakri kini berjaya menjawat jawatan yang tinggi.

Jiran 2 : Tapi, sayang. Segala jasa dan pengorbanan Pak Salim itu tidak dihargai dan dilupakan oleh Bakri.

5) **Seperti mencurah air di daun keladi**

Siti : Saya rasa saya gagal menjadi seorang guru yang baik.

Nor : Sudahlah, Siti.....Jangan difikirkan lagi perkara tu...

Siti : Puas sudah saya menasihatinya sehingga berbuih mulut saya. Ah...mungkin saya kurang tegas agaknya.

Nor : Usah asyik menyalahkan diri sendiri, Siti. Nasihat yang awak berikan kepada anak murid awak tu sia-sia sahaja sebab dia langsung tak ambil peduli.

6) **Seperti pelanduk dua serupa**

Aziz : Terima kasih kerana sudi membantu keluarga saya.

Sudin : Tak mengapa. Saya benar-benar kasihan terhadap ibu awak.

Aziz : Ibu saya terlalu sedih semenjak abang saya terkorban dalam kemalangan itu. Sewaktu beliau ternampak awak, beliau rasa seperti arwah abang saya hidup semula.

Sudin : Saya sendiri terpegun melihat gambar arwah abang awak itu. Saya seolah-olah melihat wajah saya sendiri. Wajah kami hampir sama.

7) Seperti tikus memperbaiki labu

Adik : Mengapa abang lewat tiba di Penang?
Abang: Semasa abang dalam perjalanan ke Penang, bas yang abang naiki rosak.
Adik : Lalu, apa yang yang terjadi, bang?
Abang: Pemandu bas itu cuba memperbaiki kerosakan pada enjin tetapi ia menjadi bertambah teruk. Akhirnya, dia mendapatkan bantuan daripada seorang mekanik.

8) Bagai anak ayam kehilangan ibu

Jiran 1 : Kasihan sungguh aku melihat si Melor.
Jiran 2 : Semenjak Mak Bedah meninggal dunia, Melor terpaksa belajar untuk berdikari.
Jiran 1 : Dia juga perlu menguruskan adik-adiknya sendiri.
Jiran 2 : Malang sungguh nasibnya. Dia telah kehilangan tempat bergantung dalam usia yang begitu muda sekali.

9) Seperti kerbau dicucuk hidung

Ibu : Anak kita tu, sekolah saja tinggi tetapi tak pandai jadi ketua keluarga.
Ayah : Saya tengok, siang hari dia sibuk bekerja di pejabat, balik pula terpaksa membuat kerja-kerja rumah.
Ibu : Yelah. Dia ikutkan saja kata-kata dan kehendak isterinya tu.
Ayah : Kalau sayangkan isteri sekalipun, berpada-padalalah. Jangan asyik menurut perintah tanpa usul periksa.

10) Seperti rusa masuk kampung

Nenek: Saya tercengang-cengang semasa naik kereta kabel tadi, bang.
Maklumlah, kita tak pernah ke tempat yang tinggi.

Datuk : Saya sendiri tak habis fikir macam mana mereka boleh bina kereta
kabel di Gunung Mat Chincang.

Nenek: Yelah, kereta kabel tu pun digerakkan dengan kuasa elektrik.

Datuk : Teknologi sekarang ni benar-benar canggih, ya.